



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PENJAGA KESELAMATAN (D.1 EB.2)  
JABATAN HAL EHWAL MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENJAGA KESELAMATAN  
JABATAN HAL EHWAL MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
D.1 EB.2 (\$530 - \$820 EB KHAS \$850 - \$970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Berkebolehan membaca dan menulis ejaan jawi.
3. Berkebolehan bertutur dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Arab adalah kelebihan.
4. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab menjaga keselamatan harta benda masjid, keselamatan bangunan dan ketenteraman jemaah masjid;
2. Mengawasi kehadiran pelawat-pelawat yang datang ke masjid mengikut waktu lawatan yang ditetapkan;
3. Bertanggungjawab melaporkan kepada Pengguna Jame` Asr Hassanal Bolkiah, Pegawai Masjid atau Ketua Pembantu Teknik dan menghubungi pihak-pihak berkenaan seperti Pasukan Polis Diraja Brunei, Bomba dan Penyelamat dan Ambulans jika berlaku kecurian, kebakaran dan kecederaan;



4. Membuka pintu-pintu pagar, pintu dewan sembahyang dan pintu-pintu pejabat pada waktu pagi dan menutupnya pada masa yang ditetapkan pada waktu malam;
5. Menaikkan / menurunkan bendera masjid pada waktu pagi dan pada waktu petang;
6. Membuat rondaan dan pemantauan sekitar masjid dan membuat laporan di dalam buku laporan harian dari semasa ke semasa mengenai setiap kejadian yang berlaku;
7. Mengawasi dan membawa orang yang akan berjumpa dengan Penguasa Jame` Asr Hassanal Bolkiah, Pegawai Masjid dan pegawai-pegawai lain;
8. Menghalang mana-mana individu yang melakukan perkara yang bertentangan dengan Peraturan Masjid atau undang-undang yang berkuatkuasa;
9. Sentiasa berdisiplin, bertanggungjawab, berbudi bahasa dan menjaga etika kerja; dan
10. Bersedia berkhidmat pada bila-bila masa yang dikehendaki dan menerima arahan dari Penguasa Jame` Asr Hassanal Bolkiah dari semasa ke semasa.